

LJT 6 Jld.8/(3)

November 2006

Semua Juruukur Tanah Berlesen

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN 1/2006

TUNTUTAN BAYARAN UKUR BAGI KERJA PENGUKURAN SEMPADAN REZAB HUTAN ATAU SEMPADAN REZAB HIDUPAN LIAR

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk mengemaskan prosedur membuat tuntutan bayaran ukur oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) khusus bagi kerja-kerja pengukuran sempadan rezab hutan atau sempadan rezab hidupan liar.

2. LATARBELAKANG

Sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959, Peraturan 99, JTB boleh membuat tuntutan bayaran ukur mengikut kemajuan kerja dengan menyertakan dokumen sokongan berkaitan seperti Borang LJT 14A. Buat masa ini borang ini hanya dikemukakan bagi menyokong tuntutan sehingga 60% bagi ukuran hakmilik tanah.

3. PELAKSANAAN

Dengan terbitnya Pekeliling ini, apabila membuat tuntutan kemajuan kerja bagi kerja-kerja pengukuran sempadan rezab hutan atau sempadan rezab hidupan liar, sama ada pada peringkat 60% atau 81%, JTB hendaklah mengemukakan bersama-sama tuntutan tersebut Borang LJT 14A yang lengkap diisi dan ditandatangani oleh pegawai daripada jabatan-jabatan berkenaan.

4. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh pengedarannya.

A handwritten signature in black ink on a light blue background. The signature consists of a vertical line, a horizontal line, and a curved line that loops back to the vertical line.

(DATUK HAMID BIN ALI)
Pengerusi
**Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia.**